

SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

Industri Insurans Hayat dan Takaful menggesa pemegang polisi / sijil untuk mengemaskini maklumat penama

Pihak industri menyeru pemegang polisi/sijil dan penama untuk mengemas kini rekod bagi mempercepat proses pembayaran faedah kematian.

Kuala Lumpur, 10 August 2020: Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) and Persatuan Takaful Malaysia (MTA) bersama-sama dengan ahli-ahli syarikat Persatuan menggesa pemegang polisi / sijil untuk mengemaskini maklumat penama mereka untuk mempercepat pembayaran faedah kematian pada masa akan datang.

Dalam beberapa minggu akan datang, LIAM dan MTA akan melaksanakan program khidmat masyarakat yang bertujuan untuk mempercepat pembayaran tuntutan kematian kepada yang layak dan memastikan lebih banyak rakyat Malaysia bakal menikmati faedah perlindungan insurans dan takaful.

Program khidmat masyarakat ini yang akan bermula hari ini merangkumi komunikasi melalui surat yang dialamatkan kepada pemegang polisi / sijil atau penama bagi meminta mereka untuk menghubungi syarikat insurans atau pengendali takaful masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif LIAM, Mark O'Dell, butiran maklumat waris terdekat pemegang polisi / sijil adalah penting untuk membolehkan syarikat menghubungi mereka dan membayar faedah kematian dengan cara yang lebih efisien.

Terdapat banyak kes di mana penama yang tidak menyedari bahawa didapati ada polisi hayat atau sijil takaful yang berkuat kuasa bagi ahli keluarga yang telah meninggal dunia. Dalam kes tersebut, syarikat insurans atau pengendali takaful tidak dapat mengenal pasti tuntutan yang berpotensi.

Beliau mengulas lanjut, "Syarikat insurans atau pengendali takaful akan menghubungi pemegang polisi / sijil untuk mengemas kini maklumat peribadi mereka. Surat dari syarikat insurans atau pengendali takaful



akan dihantar ke alamat terakhir yang terdapat di dalam rekod, termasuk polisi / sijil yang telah luput. Kami menggesa pemegang polisi / sijil atau penama untuk memberi maklumbalas dengan menghubungi syarikat insurans atau pengendali takaful bagi mengemas kini maklumat yang diperlukan”.

Encik Azli Munani, Ketua Pegawai Eksekutif / Setiausaha Eksekutif MTA berkata, "Kegagalan membuat penamaan yang diperlukan mungkin akan menyekat tujuan perlindungan insurans / takaful. Ini kerana tanpa penamaan, ia akan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan dokumen rasmi dari mahkamah bagi mendapatkan hak untuk membuat tuntutan. Tambahan pula, penama mungkin tidak memahami cara membuat tuntutan dengan betul". Tambah beliau, "Kedua-dua Persatuan dan ahli mereka akan bergerak secara aktif mempromosikan kepentingan penamaan kepada masyarakat bagi memastikan pemegang polisi / sijil ambil tahu mengenai komunikasi ini dan mengambil tindakan sepatutnya bagi mengemaskini maklumat penama untuk polisi insuran dan sijil takaful mereka. "

Oleh kerana inisiatif ini akan menjadi usaha berterusan pihak industri, pemegang polisi / sijil amatlah digalakkan untuk sentiasa mengemaskini butiran penama mereka supaya syarikat insurans atau pendendali takaful boleh berhubung sekiranya mereka menyedari terdapat sebarang potensi tuntutan.

Sebagai alternatif, ahli keluarga juga boleh menghubungi ahli persatuan LIAM atau MTA secara terus untuk sebarang pertanyaan lanjut seperti berikut:

Talian Hotline/e-Mel Ahli Persatuan Insurans Hayat Malaysia:-

No.	Syarikat	Nombor yang perlu dihubungi
1.	AIA Bhd.	Hotline: 1300 88 1899 my.customer@aia.com my.assist@aia.com www.aia.com.my



No.	Syarikat	Nombor yang perlu dihubungi
2.	Allianz Life Insurance Malaysia Berhad	Hotline: 1 300 22 5542 customer.service@allianz.com.my www.allianz.com.my
3.	AmMetLife Insurance Berhad	Hotline: 1 300 88 8800 customercare@ammetlife.com www.ammetlife.com
4.	AXA Affin Life Insurance Berhad	Hotline: 1 300 88 1616 customer.care@axa-life.com.my www.axa.com.my
5.	Etiqa Life Insurance Berhad	Live chat: http://www.eti.qa/livechat Hotline: 1-800-88-9998 (Healthcare) info@etiqa.com.my www.etiqa.com.my
6.	Gibraltar BSN Life Berhad	Hotline: 1 300 22 6262 customerservice@gibraltarbsn.com www.gibraltarbsn.com
7.	Great Eastern Life Assurance (M) Berhad	Hotline: 1300-1300 88 wecare-my@greateasternlife.com www.greateasternlife.com
8.	Hong Leong Assurance Berhad	Hotline: 03-7650 1288 customerservice@hla.hongleong.com.my www.hla.com.my
9.	Manulife Insurance Berhad	Hotline: 1300-13-2323/03-27199112 MYLIFE_CustomerService@manulife.com www.manulife.com



No.	Syarikat	Nombor yang perlu dihubungi
10.	MCIS Insurance Berhad	Hotline: 03-7652 3388 customerservice@mcis.my www.mcis.my
11.	Prudential Assurance Malaysia Berhad	Hotline: 03 2771 0228 customer.mys@prudential.com.my www.prudential.com.my
12.	Sun Life Malaysia Assurance Berhad	Hotline: 1300 88 5055 wecare@sunlifemalaysia.com www.sunlifemalaysia.com
13.	Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.	Hotline: 03 2603 3999 customercare@tokiomarinelife.com.my www.tokiomarine.com
14.	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad	Hotline: 1-300-888-622 (within Malaysia) or +603-2109 7999 (outside Malaysia) callcentre@zurich.com.my www.zurich.com.my

Talian Hotline/e-Mel Ahli Persatuan Takaful Malaysia:-

No.	Syarikat	Nombor yang perlu dihubungi
1.	AIA PUBLIC Takaful Bhd.	Hotline: 1300 88 8922 my.customer@aiapublic.com.my www.aia.com.my
2.	AmMetLife Takaful Berhad	Hotline: 1300 22 9777 customercare@ammetlifetakaful.com www.ammetlifetakaful.com
3.	Etiqa Family Takaful Berhad	Live chat: http://www.eti.qa/livechat



No.	Syarikat	Nombor yang perlu dihubungi
		Hotline: 1300 13 8888 info@etiqa.com.my www.etiqa.com.my
4.	FWD Takaful Berhad	Hotline: 1300 13 7988 (Malaysia) 603 2771 7771 (International) contact.my@fwd.com www.fwd.com.my
5.	Great Eastern Takaful Berhad	Hotline: 1300 13 8338 i-greatcare@greateastertakaful.com www.greateastertakaful.com
6.	Hong Leong MSIG Takaful Berhad	Hotline: +603 7650 1800 ReachUs@takaful.hongleong.com.my www.hlmtakaful.com.my
7.	Prudential BSN Takaful Berhad	Hotline: +603 2053 7188 customer@prubsn.com.my www.prubsn.com.my
8.	Sun Life Malaysia Takaful Berhad	Hotline: 1300 88 5055 wecare@sunlifemalaysia.com www.sunlifemalaysia.com
9.	Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad	Hotline: 1300 88 252 385 csu@takaful-malaysia.com.my www.takaful-malaysia.com.my
10.	Takaful Ikhlas Family Berhad	Hotline: +603 2723 9696 ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my www.takaful-ikhlas.com.my



No.	Syarikat	Nombor yang perlu dihubungi
11.	Zurich Takaful Malaysia Berhad	Hotline:1300 888 622(within Malaysia) +603-2109 7999(outside Malaysia) callcentre@zurich.com.my www.zurich.com.my

Dilampirkan **soalan-soalan lazim mengenai penamaan** untuk rujukan.

Sementara itu, LIAM dan MTA ingin menasihati agar orang ramai untuk terus berwaspada terhadap penipuan yang mungkin timbul dari inisiatif ini. Jenis penipuan ini boleh dipromosikan dalam pelbagai bentuk melalui media sosial, e-mel atau panggilan telefon yang menyamar sebagai pegawai dari syarikat insurans atau pengendali takaful. Oleh itu, orang ramai digalakkan menghubungi terus syarikat insurans atau pengendali takaful masing-masing bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut. Pihak Persatuan menegaskan bahawa, ahli persatuan LIAM dan MTA tidak akan pernah meminta pemegang polisi/sijil untuk mengemaskini maklumat atau butiran akaun melalui SMS, panggilan telefon, e-mel, media sosial atau aplikasi pemesejan. Pemegang polisi / sijil dinasihatkan untuk mengabaikan mesej tersebut dan jangan sekali-kali mendedahkan maklumat kewangan, PIN atau TAC anda kepada sesiapa sahaja. Ini adalah untuk melindungi pemegang polisi / sijil daripada menjadi mangsa memancing data (phishing), pencurian identiti atau perisian hasad (malicious malware). Sentiasa berhati-hati agar tidak menjadi mangsa penipuan.

Mengenai LIAM

Ditubuhkan pada tahun 1974, Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) merupakan persatuan perdagangan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. LIAM mempunyai 14 ahli, yang mana daripada jumlah ini 14 adalah syarikat insurans hayat dan 2 syarikat insurans semula hayat.

Objektif LIAM ialah mempromosikan industri insurans hayat yang progresif; meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai tentang insurans hayat; meningkatkan imej dan profesionalisme industri insurans



hayat serta menyokong pihak-pihak berkuasa kawal selia dalam membangunkan industri yang teguh.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Nancy Tan Setiausaha Eksekutif Persatuan Insurans Hayat Malaysia No. 4, Lorong Medan Tuanku Satu Medan Tuanku, 50300 Kuala Lumpur	Tel: 03 –2691 6628/ 6168 Fax: 03 –2691 7978 Emel: liaminfo@liam.org.my Website: www.liam.org.my Facebook: LIAM – Life Insurance Association of Malaysia
--	---

Mengenai MTA

Persatuan Takaful Malaysia (MTA) telah ditubuhkan pada November 2002 di bawah Akta Pertubuhan 1966. Ia merupakan persatuan perdagangan yang mewakili semua 18 pengendali Takaful dan Retakaful berlesen di negara ini. Objektif dan kuasa MTA adalah untuk menggalakkan kepentingan ahli-ahlinya untuk mengetuai dan mengawasi pengawalseliaan sendiri dalam industri Takaful.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Encik Azli Munani Ketua Pegawai Eksekutif/ Setiausaha Eksekutif Persatuan Takaful Malaysia 21st Floor, Main Block Menara Takaful Malaysia No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur	Tel: +603-2031 8160 Fax: +603-2031 8170 E-mail: mtasecretariat@malaysiantakaful.com.my Website: www.malaysiantakaful.com.my Facebook: Malaysian Takaful Association
---	---